

TAJUK : PENGUMPULAN TRADISI LISAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

MAKMAL/ARKIB SEJARAH LISAN
JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

JAWATAN KUASA PENYELIDIKAN BUDAYA
MUZIUM NEGERI
NEGERI SEMBILAN

Kod Projek: 92/83

Tahun 1983/84

Projek Dokumentasi Keterangan Tradisi/Sejarah
Lisan Negeri Sembilan dan Naning.

Tajuk: Salasilah Jelebu dan Krisis
Perlantikan Undang Jelebu 1980.

Allahyarham Muhammad Yassin bin Liput adalah anak watan Jelebu. Semasa rakaman ini dibuat allahyarham adalah dalam keadaan uzur kerana usia yang sudah tua. Mengikut keterangannya apa yang dikisahkan ini adalah keterangan yang dipelajari dari penuturan orang-orang yang terdahulu dan peranannya sendiri dalam krisis adat yang baharu berlaku.

Allahyarham telah meninggal dunia empat bulan setelah rakaman ini dibuat. Andainya tiada projek seperti ini dibuat sudah tentu keterangan-keterangan sejarah yang diketahui dan yang dialaminya itu turut hilang bersama. Semoga Tuhan mencucuri rahmat ke atas rohnya.

SALASILAH JELEBU DAN KRISIS
PERLANTIKAN UNDANG JELEBU 1980

Pengkisah: Muhammad Yassin bin Liput
Tarikh : 2 March 1984
Tempat : Kampung Seri Temoi, Jelebu

Jelebu pada asalnya bernama Sungai Lumut. Ceritanya mengatakan penoraka-peneroka dahulu mendapati sungai dalam kawasan ini sentiasa saja berlumut. Akhirnya sungai ini diganti dengan nama Jelebu. Satu cerita mengatakan nama Jelebu itu adalah diperolehi dari nama seorang penduduk asli bernama "Jelebu" yang telah mati lemas di Sungai Teriang. Sedangkan satu cerita yang lain mengatakan nama Jelebu ini berasal dari jalar batang labu yang telah ditanam oleh peneroka dari Sungai Ujong. Menurut cerita itu, bahawa pokok labu yang telah ditanam itu telah hidup dengan sangat subur, sehingga kawasan itu terkenal dengan nama kawasan 'Jalar Labu'. Untuk memudahkan menyebutnya, panggilan 'Jalar Labu' itu telah direngkaskan menjadi 'Jelebu'.

Jelebu mempunyai sempadan-sempadan yang tertentu dengan kawasan-kawasan yang di sekelilingnya. Sempadan Jelebu dengan Johor bermula dari tempat yang dikatakan 'Padang Muar' berhampiran dengan Gemas. Tempat ini dikenal dengan tanda pokok 'Meranti Sembilan' hingga ke pokok 'Merbau Seratus'. Dari sini sempadannya bergerak

ke Pahang pula iaitu bermula dari tempat yang dinamakan 'Jawi Bertaup' di Sungai Teriang menghala ke Bukit Kutu Hantu di Gunung Besar Hantu dan turun ke Bukit Gunung Payung di Ulu Teriang. Di sini terdapat satu lagi tanda sempadan yang dinamakan 'Nibung Meliuk'. Mengikut cerita orang tua-tua pokok nibung ini sentiasa sahaja meliuk-liuk siang dan malam seolah-olah ditiup angin.

Bertolak dari sini sempadannya menghala pula ke Gunung Beremban. Di sini terdapat sebatang 'Bangkung Bongkon' yang menjadi sempadan Jelevu dengan Sungai Ujong. Dari sini bergerak pula ke Jenam dan Langkap hinggalah ke Bukit Batu Empat, iaitu suatu tempat yang terletak berhampiran dengan kampung Gelang Terusan sekarang. Di Bukit Batu Empat ini terdapat empat buah batu yang ganjil rupanya dan ini telah dijadikan sempadan Jelevu dengan Luak Tanah Mengandung. Setelah mengikuti sempadan-sempadan tersebut maka terbentuklah daerah Jelevu yang di kelilingi oleh Johor, Pahang, Selangor, Sungai Ujong dan Luak Tanah Mengandung. Kawasan ini di kelilingi oleh tanah tinggi.

Pada zaman dahulu Jelevu dengan tempat-tempat lain di hubungi oleh sungai-sungai. Penduduk dari pantai timur khasnya orang-orang dari Pahang akan membuat perjalanan dengan memudiki Sungai Teriang untuk pergi ke Jelevu atau ke tempat-tempat lain juga yang boleh dibuat melalui sungai tersebut. Mereka akan mudik dari Kuala Sungai Pahang, menghulu Sungai Teriang hingga ke Kuala Kelawang, dari sini

mereka menghulu Sungai Kelawang hingga ke Bukit Tangga. Di Bukit Tangga mereka terpaksa berjalan kaki untuk mendapatkan Sungai Pena. Dari sini mereka akan mudah sahaja pergi ke Sungai Ujong dan ke tempat-tempat lain seperti Linggi, Lukut dan Kelang yang telah terkenal pada ketika itu. Dari Jelevu mereka boleh juga pergi ke Muar atau ke Johor tanpa melalui Sungai Ujong, tetapi jalan ini akan memaksa mereka berjalan kaki dan merentas hutan rimba hingga ke Jempol. Di sini mereka akan bertemu dengan Sungai Muar. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa jalan-jalan yang menghubungkan Jelevu dengan daerah-daerah luar bukan hanya melalui sungai malah terpaksa merentas hutan rimba yang tebal dan sukar.

Jelevu ini memang mempunyai penduduk asal iaitu orang asli. Mengikut ceritanya orang-orang dari luar kemudiannya datang membuka negeri di bawah ketua masing-masing. Orang asli yang mula-mula datang adalah Waris Menteri dan Waris Ombi yang ada sekarang. Kedua-dua waris ini dikatakan berpunca dari keturunan Batin dan Jenang yang telah membuka Jelevu. Mereka ini telah mendiami di kawasan-kawasan bukit dari Ulu Teriang hingga ke Gunung Hantu. Kemudian orang-orang dari Pagar Ruyong pula telah datang ke Jelevu dengan melalui Genting Langkap dan Bukit Tangga. Kedua-dua puak yang datang ini mempunyai penghulu masing-masing. Mereka yang datang melalui Bukit Tangga masih mempunyai hubungan dengan penduduk Sungai Ujong. Kemudian kedua-dua puak ini telah berhijrah pula ke tempat yang dinamakan Kemin dan Sarin. Di sini mereka

telah bersemenda dengan orang-orang Menteri dan Ombi iaitu orang-orang Asli. Dari persemendaan inilah orang Asli telah di Islamkan. Menurut cerita dari penduduk satu perhimpunan telah diadakan di Bukit Gelenggan bagi kedua-dua pihak iaitu pihak penduduk asal dan pihak orang-orang yang datang. Perhimpunan ini telah diadakan khas untuk mengasingkan orang-orang Islam dan yang bukan Islam. Dalam perhimpunan ini telah disediakan sesikat pisang dan kain sarong yang diletakkan setempat, sementara di tempat yang lain terletak daun setawar dan kulit terap. Kedua-dua benda yang disediakan ini merupakan simbol untuk pilihan mereka. Orang-orang yang memilih pisang dan kain sarong akan menjadi kumpulan yang tinggal bersama-sama dengan keluarga Islam sementara yang memilih daun setawar dan kulit terap akan tetap tinggal dengan keadaan mereka yang asli. Dalam pemilihan itu dikatakan ramai di antara yang perempuan memilih masuk ke golongan Islam, sementara yang lelaki ramai tidak bersedia atau lebih suka cara hidup lama dan pindah ke kawasan-kawasan bukit untuk menetap hidup sebagaimana orang-orang asli yang ada sekarang. Persemendaan orang-orang yang datang dengan penduduk asal juga telah mengujudkan dua waris yang besar di Jelebu, iaitu Waris Sasilah dan Biduanda Waris.

Waris Sasilah ini tidak bersemenda dengan orang-orang Melayu yang telah datang pada suatu ketika dahulu, tetapi mereka telah

menyesuaikan hidup mereka dengan orang-orang mendatang. Seterusnya dari waris inilah ujudnya waris-waris yang berhak Jawatan Undang, iaitu Waris Ulu Jelebu, Waris Sarin dan Waris Kemin. Biduanda Waris pula ialah waris yang berhak ke atas negeri. Waris negeri ini pula ialah terdiri dari Waris Menteri dan Waris Ombi. Dari Waris Menteri dan Waris Ombi pula dilantik dua pegawai yang berkuasa lebih besar di daerah ini iaitu Dato' Menteri dan Dato' Ombi. Dato' Ombi berhak memilih siapakah yang harus dilantik menjadi Dato' Undang dan Dato' Menteri pula berkuasa mengesah dan memecat. Dalam masa kekosongan Undang, Dato' Menteri berhak memangku jawatan itu, terutama di hari mangkatnya. Beliau bergelar 'Sah Mangku Alam Raja Sehari' iaitu dari saat Undang mati hinggalah penggantinya dilantik.

Berdasarkan penempatan awal penduduk Jelebu yang telah dibuat, kelima-kelima waris yang disebutkan tadi adalah merupakan waris-warisan yang asal yang mempunyai hak ke atas Jelebu. Tiap-tiap waris ini mempunyai hak yang tertentu. Waris Ulu Jelebu berhak di kawasan Sungai Langkap dan Sungai Jenam; Waris Sarin berhak di kawasan Sungai Sarin, Sungai Pah dan Sungai Relai, iaitu tiga batang anak sungai yang mengalir masuk ke Sungai Terian. Waris Kemin pula berhak di kawasan Sungai Kemin, Sungai Pertang, dan Sungai Bemban. Bagi Waris Menteri dan Waris Ombi pula miliknya di kawasan yang lain. Waris Menteri miliki kawasan Bukit Kundek,

Bukit Buhai, Permatang Gelanga, anak Sungai Lemi dan Sungai Kenaboi. Waris Ombi pula miliki Bukit Gubang Gabing, Bangkang Gading, Lebah Bergoyang, Moyang Kaban, Gapau, Mempelas, Sungai Tinggi dan Sungai Gelami. Bukit-bukit dan lurah-lurah kepunyaan kedua-dua Dato' Menteri dan Dato' Ombi ini merangkumi seluruh kawasan utara Jelevu, sedangkan Waris Berundang hanya memiliki tanah lembah sungai-sungai yang mengeluarkan hasil padi sahaja. Apabila kegiatan mencari bijih timah dijalankan di Jelevu, didapati kawasan Dato' Menteri dan Dato' Ombi banyak mengandungi bijih timah. Dengan demikian waris merekalah yang lebih beruntung di antara waris-waris yang ada di Jelevu.

Selain dari lima waris yang asal ini terdapat juga dua waris lain yang datang ke Jelevu, iaitu Waris Ulu Kelawang dan Waris Kenaboi. Waris Ulu Kelawang berasal dari orang-orang Minangkabau yang telah datang dari Sungai Ujong. Mereka telah datang meneroka di kawasan Ulu Jelevu. Pada awalnya mereka masih berhubung dengan Sungai Ujong dan mempunyai Dato' Lembaga sendiri, tetapi setelah beberapa lama di Jelevu mereka telah memutuskan hubungan dengan Sungai Ujong dan bertuankan Dato' Undang Jelevu, Dato' Lembaganya yang bergelar Dato' Amar Penghulu telah menjadi salah seorang dari Dato' Lembaga di Jelevu sekarang.

Begitu juga dengan Waris Kenaboi sebagaimana yang telah diceritakan. Waris ini berasal dari Pahang dipimpin oleh Tok Panglima Muda dengan pengikut-pengikutnya telah datang ke Jelebu mengikut Sungai Kenaboi. Mereka telah mendapat kebenaran dari Dato' Menteri Tabuan untuk tinggal di Kenaboi. Apabila Dato' Menteri Tabuan meninggal, mereka telah bertuankan Dato' Kelana di Sungai Ujong. Bila Dato' Kelana meninggal, Dato' Muda Kenaboi telah bertuankan semula Dato' Undang Jelebu. Hingga hari ini jadilah Tok Muda Kenaboi salah seorang lagi dari Dato'-dato' Lembaga dalam Jelebu. Warisnya juga telah dijadikan salah satu di antara waris-warisan yang terdapat di Jelebu.

Tidaklah dapat dikesan tentang sejarah kemunculan pusaka Undang itu. Yang diketahui ialah bila munculnya seorang ketua bernama Moyang Salleh yang telah memutuskan hubungan dengan Kesultanan Johor. Ini bermakna suatu pemerintahan tempatan telah ada sebelum masa tersebut. Dengan ini dapat dikatakan bahawa Jelebu memang telah dibuka sebelum peristiwa itu, tetapi tarikhnya tidak dapat dipastikan.

Moyang Salleh berketurunan dari dua orang ketua Jelebu yang telah ujud sebelumnya, iaitu Tok Gombak dan Tok Metunggang. Kedua-dua dato' ini berasal dari Pagar Ruyong dan telah berkahwin dengan Moyang Angsa dan Moyang Aceh. Oleh kerana mereka pandai menye-

suaikan diri, mereka telah dapat menjadi ketua dan telah dapat mengembangkan adat-adat Minangkabau di kalangan orang-orang Jelebu.

Mengikut ceritanya Sultan Johor telah keinginan untuk mengambil anak Penghulu Tembau. Baginda telah menghantar empat orang pegawai untuk pergi meminang. Oleh kerana Dato' Rembau tidak bersetuju, pinangan itu telah ditolak dan anaknya Seri Banun telah dikahwinkan dengan orang lain. Perbuatan ini telah menyebabkan Sultan Johor murka dan menitahkan Dato' Rembau supaya datang mengadap baginda ke Johor. Dato' Rembau tidak pergi, tetapi telah menghantar anaknya bernama Mamat sebagai ganti beliau. Sultan Johor bertambah murka dan sebagai membalas dendam baginda telah membunuh Mamat anak Dato' Rembau.

Tindakan yang dilakukan oleh Sultan Johor ini menyebabkan Dato' Rembau gentar. Beliau telah meminta pertolongan daripada ketua-ketua luak yang lain. Semua ketua-ketua luak telah bermesyuarat dan mengambil keputusan untuk menghantar Moyang Salleh seorang sahaja ke Johor. Moyang Salleh telah pergi ke Johor diiringi oleh sepupunya bernama Sohor dan pengikut-pengikutnya yang setia iaitu To' Beruang Hitam, To' Api Laut, To' Bauk dan To' Gagah Lele Perkasa.

Apabila mereka sampai di Johor, pada mula-mulanya mereka tidak diterima oleh Sultan. Mereka tidak dibenarkan masuk ke kawasan istana sehingga terpaksa duduk di luar pagar selama tujuh hari tujuh malam. Oleh kerana beberapa kesaktian Moyang Salleh dan pengiring-pengiringnya yang telah disaksikan oleh Sultan sendiri maka mereka telah dibenarkan masuk ke istana.

Kehadiran Moyang Salleh dan rakan-rakannya di istana ini telah menambahkan lagi ketakutan Sultan. Oleh itu baginda terus bertindak memberikan kemerdekaan kepada Jelebu. Baginda menjelaskan bahawa mulai dari tarikh itu Dato' Moyang Salleh berhak menjadi Raja Jelebu atau Penghulu Jelebu, dengan gelaran 'Dato' Mendulika Menteri Akhir Zaman Sultan Jelebu'. Dari tarikh itu juga Sultan Johor mengesahkan bahawa Jelebu tidak lagi perlu mencari raja juntuk bernaung, malah berhak menjalankan pemerintahan sendiri. Dengan itu Sultan Johor pun memberikan 'Cap Mohor' kepada Dato' Moyang Salleh sebagai tanda. Setelah selesai istiadat penyerahan kuasa itu, Moyang Salleh pun memohonkan makanan untuk pengiringnya, iaitu lima puluh gantang beras dengan lauknya seekor kerbau. Kemudian mereka pun pulanglah ke Jelebu dengan membawa berita baik.

Sekembalinya dari Johor Moyang Salleh telah mengistiharkan kemerdekaan Jelebu kepada ketua-ketua daerah yang lain. Selepas itu beliau pun mulalah menyusun pentadbirannya. Dalam penyusunan ini Moyang Salleh sendiri telah menjadi 'Raja Jelebu' dengan

gelaran 'Dato' Mandulika Menteri Akhir Zaman Sultan Jelebu', sebagaimana yang termetri di dalam cap mohor yang diterimanya itu. Kemudian beliau telah melantik bapa saudaranya Genta, dari Perut Meribung sebagai Dato' Menteri dan Bata dari Perut Larung sebagai Dato' Ombi. Selepas itu beliau juga telah melantik beberapa orang lagi untuk menjadi Dato'-dato' Lembaga Jelebu, iaitu Dato' Mengiang Bakuk, dari Perut Kampung Bukit sebagai wakil suku Mungkal; Dato' Cincang dari Perut Tembun, dari keturunan Minangkabau untuk wakil Suku Tanah Datar; Dato' Senara A'insha, dari Perut Teriang sebagai wakil Batu Belang; mewakili Waris Ulu Jelebu; Dato' Paduka Mundok, mewakili Waris Sarin; Dato' Maharaja Inda Tatang, wakil Perut Kemin dan Dato' Bandar Sohor, sebagai wakil Mungkal yang bergelar 'Waris di Air' yang berhak memungut cukai diperairan Sungai Teriang.

Perlantikan Dato-dato' Delapan ini dibuat bergilir-gilir bagi perut-perut yang tertentu. Tiap-tiap perut ini juga mempunyai buapak atau ketua bagi perut itu. Tiap-tiap buapak akan dipilih oleh anakbuah dan tiap-tiap Dato' Lembaga akan dipilih oleh buapak. Seterusnya Dato' Undang pula akan dipilih oleh Dato' Lembaga Delapan.

Selain dari Dato' Lembaga Delapan ini terdapat juga beberapa orang ketua yang lain sebagai mewakili puak yang datang berhijrah ke Jelebu. Mereka terdiri dari Datuk Sura sebagai wakil orang-

orang yang datang dari Rembau; Dato' Sati, wakil orang-orang dari Luak Jempul Dato' Muda, wakil penduduk dari Pahang; Dato' Empat, sebagai wakil orang-orang dari Minangkabau; Dato' Setia Empat bagi orang-orang dari Jawa dan Dato' Dagang Jambi sebagai wakil keturunan dari Jambi. Dato'-dato' ini juga mempunyai beberapa orang ketua yang kecil-kecil untuk menjadi pembantu mereka menjalankan adat di kumpulan masing-masing.

Perbilangan adat Jelebu mengatakan:

Pertama, mencabut, kedua bertanam, sah sekata,
 Berkebulatan Dato'-dato' Yang Delapan.
 Kata mencari kepada Lembaga Yang Tiga,
 Iaitu Dato' Mengiang, Dato' Cincang, Dato' Senara.
 Tali adat kepada Menteri, tali pesaka kepada Ombi,
 Sah batal surut lalu Undang kepada warisnya.
 Hidup mati kepada Undang: Gemok berpupuk segar,
 Bersiram kepada warisnya.
 Bila waris Hulu Jelebu menjadi Undang,
 Dato' Raja Balang titian adat.
 Bila Waris Sarin menjadi Undang,
 Dato' Paduka Menti titian adat.
 Bila Waris Kemin menjadi Undang,
 Dato' Maharaja Inda titian adat.
 Bila rosak pesaka bertengok kepada Dato' Ombi,
 Bila rosak adat bertengok kepada Dato' Menteri.
 Patah tumbuh, hilang berganti, ganti hidup berkerelaan,
 Ganti mati berkebulatan.

Perbilangan adat Jelebu ini menghuraikan cara pemilihan seseorang Dato' Undang itu, iaitu memilih dan melantiknya hendaklah dengan sebulat suara dari Dato'-dato' yang lapan. Waktu mencarinya hendaklah berunding dengan Dato'-dato' Lembaga yang tiga, iaitu Dato' Mengiang, Dato' Cincang dan Dato' Senara. Mencari ialah

tugas Dato' Ombi dan mengesahkannya serta mengistiharkannya ialah hak Dato' Menteri yang bergelar 'Sah Mangku Alam Raja Jahari'.

Sebagaimana yang telah ditetapkan, waris-waris yang berhak menjadi Dato' Undang ialah tiga, iaitu Waris Hulu Jelebu, Waris Sarin dan Waris Kemin. Waris-waris inilah yang berhak menjadi Undang secara bergilir-gilir. Sekiranya Undang yang dilantik itu dari Waris Hulu Jelebu, lembaga yang berkuasa di Balai Undang ialah Dato' Raja Balang; sekiranya Dato' Undang dari Waris Sarin Lembaganya ialah Dato' Paduka Menti dan sekiranya dari Waris Kemin pula Lembaganya ialah Dato' Maharaja Inda. Tugas Dato' Ombi sebagai pemilih calon dan Dato' Menteri penjaga adat, seterusnya Dato' Undang mestilah sentiasa ada, kalau berganti waktu hidup hendaklah mempunyai kerelaan antara kedua pihak dan kalau ganti kerana mati, hendaklah dipersetujui oleh sebulat suara dari Dato' Lembaga Delapan.

Selain dari Dato'-dato' Lembaga, Dato' Undang juga mempunyai 'Juak-juak' untuk menjaga keselamatan daerahnya. Juak-juak ini dipilih dari tiap-tiap waris yang berlainan dalam daerah ini dengan mempunyai gelaran dan tugas-tugas yang tertentu.

- | | | |
|----|---------------------|---|
| 1. | To' Laksamana | Waris Hulu Jelebu kerja memegang Bendera. |
| 2. | To' Penglima Hitam | Suku Mungkal kerja memegang Tombak Bendera. |
| 3. | To' Penglima Garang | Waris Menteri kerjanya memegang Pedang. |

- | | | |
|-----|---------------------|--|
| 4. | To' Penglima Sutan | Suku Tanah Datar kerjanya memegang Lembing. |
| 5. | To' Penglima Sutan | Suku Batu Belang kerjanya memegang Pedang. |
| 6. | To' Penglima Jaya | Waris Kemin tugasnya memegang Keris Panjang. |
| 7. | To' Penglima Bebas | Waris Sarin tugasnya memegang Payung. |
| 8. | To' Penglima Raja | Waris Hulu Jelebu tugasnya memegang Keris Panjang. |
| 9. | To' Penglima Perang | Waris Kemin tugasnya memegang Keris Panjang. |
| 10. | To' Penglima Dalam | Waris Sarin tugasnya menyediakan Mohor dan Darjah Kehormatan Dato' Undang. |

Perbilangan mengatakan:

'Biar mati anak jangan mati adat;
mati anak menangis ibu bapanya
mati adat menangislah seluruh negeri'.

Susunan ada pula terbahagi kepada tiga, iaitu 'adat yang semata-mata adat', 'adat yang teradat' dan 'adat yang diadatkan'. Adat yang semata-mata adat ialah seperti Alam Beraja, Luak berpenghulu, anakbuah Berbuapak dan lain-lain yang tidak boleh diubah. Kehilangan atau kerosakan sesuatu dalam adat ini mesti diganti. Adat yang teradat pula ialah seperti soal nikah kahwin dan semumpamanya. Adat ini tidak menjadi kesalahan kalau tidak diikuti, tetapi mendapat kemuliaan kalau diamalkan. Adat yang diadatkan pula ialah adat yang dibuat setelah mendapat persetujuan dari semua pihak. Adat ini boleh dipinda mengikut keadaan masa yang

beresuaian.

Bila Jelebu ini bersekutu untuk menerima Yamtuan, tidak lama kemudian ujudlah jawatan Yamtuan Muda di Jelebu. Kedudukan Jelebu yang jauh dari Istana Yamtuan, tambahan pula perhubungan sangat sukar menyebabkan perlunya seorang wakil Yamtuan di tempatkan di Jelebu. Seorang anak Yamtuan yang layak memegang jawatan itu telah didapatkan dari Sri Menanti.

Yamtuan Sri Menanti telah menghantar anaknya Raja Adil ke Jelebu. Selepas kemangkatannya telah diganti pula oleh Raja Singkul dan Raja Singkul kemudiannya telah diganti pula oleh Raja Asil Tampin. Menurut ceritanya tidak seorang pun di antara ketiga-tiga anak raja ini telah dimahkotakan sebagai Yamtuan Muda Jelebu yang rasmi. Apabila sampai ke giliran Raja Ahmad Shah yang lebih terkenal dengan nama Tengku Sabun, baharulah dapat pengesahan dan ditabalkan oleh Dato' Undang dan Lembaga Delapan sebagai Yamtuan Muda yang sah di Jelebu.

Apabila Yamtuan Muda Sabun mangkat, diganti pula oleh anaknya bernama Jaya. Bila Jaya mangkat, anaknya Tengku Etet dan anak saudaranya Tengku Abdullah telah berebut untuk menggantikannya. Ketika ini Perang Saudara pun berlaku hingga menyebabkan Raja Abdullah terpaksa lari ke Paroi dan Tengku Etet pun menjadi Yamtuan Muda Jelebu. Bila Tengku Etet mangkat Raja Abdullah telah

balik ke Jelebu menjadi Yamtuan. Beliaulah Raja yang akhir dalam sejarah Yamtuan Muda Jelebu.

Yamtuan Raja Abdullah telah melakukan perbuatan yang melampaui adat di Jelebu. Beliau telah membunuh Bilal Ismail, seorang Pegawai di Balai Panjang tanpa usul periksa dan tanpa memberitahu Dato' Undang. Oleh itu Dato' Undang, Lembaga Delapan telah berkebulatan untuk menghalau Yamtuan Muda Abdullah dari bumi Jelebu. Perbuatan Yamtuan Abdullah ini menyalahi adat perlembagaan Jelebu. Menurut adatnya, Yamtuan tidak mempunyai negeri, baginda itu sebagai 'puncak keadilan' saja. Ia tidak boleh mencukai. Ia adalah umpama ular besar, apa yang ada pada tangan Undang itu sahaja yang patut diberi dan diterima. Dalam menghakimkan satu-satu kesalahan rakyat, Yamtuan tidak boleh menjatuhkan hukuman tanpa merujuk kepada Undang dan Ketua Waris. Perbilangan mengatakan:

'Keris penyalang Undang yang punya,
Tali pengikat Lembaga yang punya,
Pedang pemancung pada keadilan'.

Walau bagaimanapun, hendak menyingkirkan Yamtuan Abdullah ini bukanlah suatu kerja yang mudah. Yamtuan Abdullah juga mempunyai penyokong yang berpengaruh untuk mempertahankan kedudukannya; mereka itu ialah Dato' Raja Balang Long (Ketua Waris Hulu Jelebu), Dato' Menteri Ahat, Dato' Maharaja Inda Latib dan Dato' Lela Angsa Haji Othman. Dalam perjumpaan untuk membincangkan perkara ini satu pertengkar telah berlaku dan menyebabkan keputusan yang dibuat oleh dato'-dato' ini berbelah bagi. Menurut adatnya sesuatu keputusan yang tidak sebulat suara itu tidak dapat diterima

sebagai keputusan yang sah. Oleh itu untuk meneruskan hajatnya, Dato' Undang dan Dato'-dato' Lembaga yang lain telah memecat Dato'-dato' Lembaga yang ingkar ini dan menggantikan mereka dengan Dato'-dato' Lembaga yang baharu. Malangnya pemecatan ini juga tidak diterima dan tidak diakui sah oleh Dato'-dato' Lembaga dan Suku Waris yang terlibat, sehingga perkara ini telah membangkitkan huru-hara. Perang Saudara telah berlaku di antara Dato' Undang Syed Ali dan Yamtuan Abdullah.

Dalam masa yang sama, Dato' Menteri Ahat dan Raja Balang Long telah pergi ke Pahang menghasut Bendahara Pahang supaya mengambil alih pentadbiran Jelevu. Dengan hasutan ini Bendahara Pahang telah menghantar utusannya ke Jelevu untuk menuntut haknya ke atas Jelevu. Pahang mendakwa bahawa Jelevu sepatutnya jajahan Pahang, kerana Sungai Teriang yang menjadi punca Sungai Pahang itu terbit dan mengalir di Jelevu. Oleh kerana peperangan ini tidak berkesudahan jadi kedua-dua pihak ini telah meminta campurtangan untuk menyelesaikan pertikaian mereka.

Perjumpaan telah diadakan di Seremban antara Yamtuan Muda Abdullah, Dato' Undang Syed Ali dan pihak Inggeris bersama Dato' Kelana Mohd. Yusof dan Dato' Bandar Ahmad. Hasil dari perundingan itu Abdullah kekal menjadi Yamtuan Muda dan Dato' Undang diakui sebagai orang yang berkuasa memerintah. Yang untung adalah orang Inggeris.

Tidak lama kemudian Yamtuan Abdullah telah mangkat. Timbul pula suatu pergaduhan lagi perebutan antara Tengku Muda Cik iaitu , adik Yamtuan Muda Abdullah. Tengku Mambul anak kepada Yamtuan Muda dan Tengku Idris untuk merebut jawatan Yamtuan Muda. Akhirnya tidak seorang pun yang dilantik. Jawatan itu telah terhapus begitu saja setelah Jelebu dijajah oleh Inggeris. Manakala kedudukan Dato' Undang kekal sehingga hari ini sebagai Ketua Luak Jelebu.

Adalah salasilah Dato' Musa yang ke 15 ini, jadi pada pengalaman saya keturunan dia daripada Moyang Saleh. Moyang Saleh ini ada dua orang anak, seorang bernama Geligin dan seorang lagi bernama Lipah. Lipah ini ada mempunyai anak seramai lima orang. Yang tua sekali bernama Jati menjadi Dato' Teras digelar Raja Teras. Yang kedua Dato' Paduka Lenjun, ketiga bernama Hapsah, yang keempatnya bernama Sauyah dan yang kelimanya bernama Lop iaitu laki-laki. Dato' Penghulu Lop itulah yang mula-mula menjawat Dato' Undang dari Waris Sarin. Kemudian daripada itu, keturunan anak Sauyah dengan anak Habsah merebaklah sampai dua tiga cawang. Satu cawang menduduki Kuala Jelebu, satu cawang lagi menduduki Sungai Sarin dan yang satu cawang lagi menduduki Kampung Jelin. Jadi maknanya, dia meneroka atau mengalir di Sungai Triang. Jadi waris Dato' Raja ini ada tigalah tempat, Kuala Jelebu satu, Sungai Sarin satu dan Sungai Sarin itu dinamakan juga Lubuk Merbau sebab situ Lubuk Merbau. Tempat kediaman Dato' Moyang Saleh di

situlah. Ketiganya Sungai Jelin. Jadi keturunan Dato' Musa ini tadi dia duduk di Sungai Sarin.

Bila Peradong ini sudah terbuka lebih kurang dalam tahun 1773, nenek dia [Dato' Musa] berpindahlah ke Peradong dibawa oleh suaminya bernama Orang Jambi bergelar Dato' Dagang Jambi dan digelar oleh Penghulu Si Ali. Ini nenek kepada Dato' Musa ini namanya Lebar binti Haji Rasul. Dia inilah yang beranak banyak berjumlah 10 orang. Yang pertama Saadiah, kedua Hitam, ketiga Saerah, keempat Sarih (laki-lakinya), kelima Felicau, keenamnya sayalah, Muhammad Yassin bin Liput. Tapi saya lain bapa, bapa saya orang Rembau. Adik saya nama Siti, nama Peah dan yang bongsu sekali nama Ali. Jadi maknanya sembilan oranglah, saya kata sepuluh tadi anak dia yang sulong, tidak hidup kakak saya itu. Tapi sampai sekarang, saya seorang saja lagilah yang ada, yang selain dari itu sudah mati.

Kemudian sampai masanya hari itu, Dato' Undang Abu Bakar pun mati pada 20hb. November 1979. Bila sudah bermakam saja Undang Abu Bakar, saya pun berjumpalah dengan Dato' Paduka Sudirman lebih kurang pukul lima petang. Saya bercakap dengan Dato' Paduka Sudirman, kata saya, "Saya kali ini, saya hendak tumpang menuntut". "Menuntut pasal apa?", kata Dato' Paduka Sudirman ini. Kata saya, "Menuntut pasal Dato' Undang". Jadi dia lambatlah sikit jawab, dalam masa barangkali dua tiga minit barulah dia jawab. "Begini-

lah Tok Dukun", kata dia, dia memanggil saya Tok Dukun. "Jadi awak hal awak, saya hal saya, jadi tak bolehlah kita campur, hal kita masing-masinglah".

Sudah daripada itu, saya pun baliklah. Bila sampai ke rumah, saya pun jumpa dengan cucu saya bernama Haji Omar. Saya katakan hal ini kepadanya. Kata Haji Omar, "Baik, mari kita pergi rumah Umni", rumah kakak Dato' Undang ini, rumah Raja Syer [Raja Sirajudin, suami Umni]. Jadi saya pun bermuafakatlah dua tiga orang di situ dan dapatlah keputusannya. Pendidiknya jurutulis Raja Syer lah sebab masa itu sekolah cuti.

Besok paginya, saya tidak tempoh lagilah, habis saja malam itu, besok paginya saya pergi berjumpa dengan Dato' Raja Kecil di Kampung Jelin sebab dia jadi ketua saya, ketua Waris Sarin. Saya katakan hal ini iaitu menuntut pasal pusaka Dato' Undang. Dia pun maklumlah budak-budak, jadi tidak faham lagi cara itu. Sesudah saya ceritakan itu, saya beri dia kata dua, pertama ikut, kedua tidak. Kemudian dia mengikut. Kalau mengikut baiklah, kata saya, "Mati jangan menyesal, luka jangan pedih".

Habis perkara itu saya pun baliklah. Pada petang itu saya berjumpa dengan Raja Syer, ipar kepada Musa ini. Saya suruh jemput Musa. Ketika itu dia ini mengajar di Sekolah Kelawang. Kata saya pada Raja Syer, "Pagi besok, suruh dia datang pagi-pagi pukul enam saya

hendak jumpa. Suruh datang ke rumah awak ini". Esok paginya itu Musa pun datang. Jadi saya tanya dia, dia pun serba salah jugalah hendak jawab. Setelah saya cerita begitu-begini saya tanya dia, "Kau tak usah takut Musa, kalau kau takut, ini anak Raja Syer aku ambil jadikan calon Undang, tapi mesti kau sokong sebab kau yang tua. Anak Raja Syer ini maklumlah budak dan bujang lagi tapi tok mesti tuntutan". Keduain dia bersetujulah untuk dicalonkan sebagai Undang. Kata saya, "Kalau bersetuju,

Mati jangan menyesal,
Luka jangan pedih

Seperti kata perbilangan Melayu. Kalau tok tidak dapat [berjaya] tidak usah pandang tok lagi dalam Jelevu sebab tidak ada muka hendak tok pandang manusia di sini lagi!". Cakap saya begitu sekali maknanya macam orang bersumpahlah! Jadi dia mengakulah [untuk menerima]. "Baiklah tok, saya ikutlah mana kata tok", kata Musa. Sesudah itu pada malam esoknya saya pun mulalah membuat surat peminta, surat penuntut.

Jadi, mula-mula saya buat surat itu empat salinan sahajalah, tidak banyak. Satu kepada Dato' Ombi, satu kepada Dato' Menteri, satu kepada Tuan Pegawai Daerah dan satu kepada Menteri Besar. Mula-mula saya sampaikan surat itu kepada Dato' Menteri Shah Mangku Alam Raja Sehari iaitu Othman Baginda dan di masa itu dia duduk di 'rest house' lagi. Hari saya menyampaikan surat itu, dia tidak adalah jawab apa-apa sebab dia dalam kesusahan lagi. Kemudian saya hantar pula kepada Tuan Pegawai Daerah dan masa itu tuan

pegawainya orang Kedah, iaitu Mustafa Baba. Sudah sampai di situ dia tidak adalah tanya apa-apa. Sesudah diterimanya surat itu, tidak adalah dikajinya begitu begini. Kemudian daripada itu saya hantar pula pada Dato' Ombi. Saya petanglah pergi ke rumah dia itu, rumah dia dekat, antara rumah saya dengan rumah dia itu lebih kurang dalam sebatu sajalah. Bila dia tengok surat itu, dia pun tidak jawab apa-apa dan tidak ada pula dikajinya begitu-begini. Dia beri saya minum teh, berborak-borak hal lainlah, habis perkara.

Selepas daripada saya jumpa Dato' Ombi ini, saya pergi pula masuk ke Dewan Keadilan, haribulanya saya tidak ingatlah. Saya pergi ke tempat itu untuk menyampaikan laporan tentang tuntutan saya. Saya pun berjumpalah di situ dengan Setitusahnya [Setiausaha Dewan Keadilan] Ismail Jepun. Di situ pun dia terlangsung sikit perkataannya dan saya pun mencegah pula sedikit perkataan itu. Dia mengatakan, Jelebu ini kucar-kacir dan mengatakan Johol elok berbakal. Kata saya, "Saya ini dulu sekolah juga tapi pengetahuan saya tidak lebih, jadi saya tidak dapatlah kerja. Tapi saya tahu cerita Negeri Sembilan ini tidak usah kata Jelebu lagi, Negeri Sembilan saya tahu. Johol itu bakal [Dato' Undangnyanya] Dato' Muda Timang Emas nama asalnya. Orang waris dia yang dijadikannya Dato' Muda Timang Emas kerana masa dulu dia memungut cukai antara Johol dengan Johor. Ini dia orang yang menjadi bakal Dato' Undang Johol. Tapi saya di Jelebu ada bermenteri, Dato' Menteri [Shah Mangku Alam Raja Sehari] saya itu tiga pangkat atau gelarnya.

Inilah dia keputusan adat Jelebu". Jadi setakat itu sahajalah perkataan saya di situ. Selepas itu saya pun baliklah.

Selepas daripada itu, maklumlah saya dengan Musa ini maknanya pangkat cucu iaitu emak kepada emak Musa adalah kakak saya. Kata saya pada dia, "Kau pergi berurus dulu dengan Menteri Besar, kau beritahu bila masanya dia [Menteri Besar] boleh ditemui kerana waris Dato' Raja hendak datang berjumpa. Beritahu dia di mana dia hendak menanti samada di rumah dia ataupun di pejabat dia. Pasalnya tidak boleh ceritalah, lebih kurang sedikit cara hendak menuntut Dato' Undang". Itu sajalah tapi surat saya tidak bagi tengok lagi, surat itu saya bawa. Jadi dia [Dato' Musa] dapatlah berjumpa dan dia kata, "Menteri Besar suruh datang ke pejabatnya, pukul sebelas setengah pagi", entah berapa haribulan saya pun sudah tidak ingat lagi.

Jadi saya pun pergilah berlipan orang dengan du buah kereta. Bila sampai pukul sebelas setengah, saya pun naik ke pejabatnya. Saya naik itu tujuh oranglah dan seorang tidak naik. Sampai pejabat itu, dia belum habis kerja lagi jadi saya duduklah di bilik rehat. Bila sudah siap sahaja kerja pukul dua belas tengahari tepat, dia panggillah masuk. Saya masuk berlima orang, Musa, saya, Dato' Raja Kecil bernama Jali dan cucu saya seorang bilal Omar. Lima orang ini masuklah pejabat dia.

Jadi di situ tidaklah dipanjangkan cerita. Mula-mula dia [Menteri Besar] bertanya kepada Dato' Paduka Sudirman, "Iakah Dato' Paduka Sudirman itu duduk di Segamat?" Jadi saya jawab, "Ya, kerana rumah perempuannya di sana". "Kalau begini tidakkah menyalahi bagi adat kita?" "Ya Dato'" saya katakan. "Tapi perkara Dato' Paduka ini bolehlah kita kaji kemudian. Jadi hamba Dato' mengadap ini ada hal sama Dato'", kata saya.

Saya pun menyerahkan surat penuntut dan dia buka surat itu lalu pandangannya secara lebih kurang sahaja. Dia bertanya, "Macamana yang awak punya cerita ini". Jawab Dato' Raja Kecil, "Hamba Dato' datang mengadap ke mari pasalnya saya akan menuntut pusaka Dato' Undang, sebab Dato' Undang Abu Bakar pun sudah mangkat, sudah mati. "Haa macamana caranya?", tanya Menteri Besar. Jawab Dato' Raja Kecil, "Saya tidak tahulah cerita ini, hendakkan cerita, tanyalah itu bapa saudara saya. Jadi dia pun [Menteri Besar] mengadaplah kepada saya, jadi saya pun bersedia. "Haa macamana cerita awak pasal Dato' Undang ini?" Tanya Menteri Besar. "Haa, begini Dato'", kata saya, "Pertama sekali saya hendak menceritakan bahawa pada tahun 1884 kerajaan British membuat 'treaty' [perjanjian] dengan kerajaan Jelebu. Yang bertandatangan di dalam surat perjanjian itu ialah Dato' Penghulu Syed Ali dengan Dato' Raja Kiah. Yang setahu saya, ini di dalam 'treaty'. "Mana pula awak tahu?" Tanya Menteri Besar. "Saya tahu cerita sejarah", kata saya.

"Tahun 1887", kata saya, "British sampai, masuk ke Jelebu". "Haa baiklah, bagaimana pula cerita Dato' Abdullah ini dan Dato' Abdullah ini iakah ia dari Pahang?", tanya Menteri Besar. "Begini Dato', Dato' Abdullah ini adalah orang yang merampas kuasa, bukannya dia waris yang benar", kata saya. Kehidupan Dato' Abdullah ini bidalan Melayunya, kata saya, "Macam kayu ara". "Saya tidak tahu-lah bidalan Melayu itu", kata dia Menteri Besar. Kata saya, "Aaa begini, adatnya kayu ara itu bijinya tumbuh di dahan kayu lain, kemudian bila dia hidup dia merimbun dan akarnya turun ke tanah menjadi batang. Jadi tempat yang dia hidup ini dia palut lalu mati. Ini maknanya kayu ara". "Dato' Abdullah punya perangai beginilah" kata saya. Dia dikatakan juga macam kayu ara kerana dia mengambil lunas kepada emak tirinya di mana emak tirinya di-akunya emak dia jati. Emaknya yang sebenar ialah waris yang datang menumpang iaitu waris Dato' Paduka Sudirman.

Emak Dato' Abdullah asalnya dari Pahang juga dan pergi ke Beranang, tidak sesuai di Beranang, balik ke Jelebu. Jadi bila datang ke Jelebu ia menumpang pada waris saya dan duduk di Peninjau. Orang yang datang ini berkembang, yang mana pada asalnya dia datang dengan membawa dua orang anak, iaitu seorang bernama Bedah dan seorang bernama Kalsum. Kalsum beranakkan Biah dan yang laki-lakinya saya tidak tahulah. Si Bedah ada anak, anak dia pendiknya enam tujuh oranglah. Inilah dia asal keturunan Dato' Paduka Sudirman. Jadi anak Kalsum ini yakni Biah bersuamikan Panglima

Muda Lok dan Panglima Muda Lik mempunyai isteri dua senama, iaitu Biah dari waris Sarin yang sebenar dan Biah anak Kalsum yang berasal dari Pahang.

Jadi, apabila mati Biah emak Dato' Abdullah ini, dia duduk dengan emak tirinya, juga bernama Biah dan duduk di kampung saya di Sungai Sarin yakni Lubuk Merbau itulah.

Apabila mati Penghulu Syed Ali jadi Dato' Abdullah pun menuntut jawatan Undang. Masa itu waris saya waris Sarin yakni waris yang benar tidak ada orang. Ada orang yang kecil-kecil lagi, ada orang tua-tua sudah lebih masa pula, yang buta, yang pekak. Aaa di sini lah dia Abdullah dapat berkuasa. Bila Dato' Abdullah sudah menjadi Undang, Dato' Paduka Menteri dinaikannya jadi kepala waris iaitu pada tahun 1912. Masa itu Tuan Pegawai Daerah ini ialah Tuan Caldecott namanya. Tuan Caldecott itu sampai jadi Gabenor di Singapura.

Jadi Dato' Raja Kecil yakni kepala waris yang sebenar ditinggalkannya dan Dato' Paduka Menteri saja diangkatnya. Pada halnya Dato' Paduka Menteri ini ialah ibubapa kepada Dato' Raja, tapi dinaikannya menjadi kepala waris. Jadi di sinilah dia mengemukakan Dato' Paduka 'A', Dato' Raja 'B'. Ini ditulis dalam undang-undang itu. Sampai dia sebut dalam undang-undang Perlembagaan itu, dia kata waris Dato' Raja tidak berhak menjadi Dato' Undang sampai

begitu sekali. Tapi saya tahu semua itu.

Jadi di sana ditanya pula oleh Dato' Rais tadi, "Di mana awak ingat pula hal itu, awak tahu?". Kata saya, "Masa tahun 1912 Dato' Abdullah mengangkat Dato' Paduka Menteri jadi kepala waris, ada tersebut dalam 'Malay Subject'". "Saya tidak ada pula buku itu", kata Menteri Besar. Jadi buku itu ada dibawa oleh Dato' Musa ini dan dikeluarkannya. Bila ditengok oleh Menteri Besar, didapatinya benar. "Kalau begini keadaan awak, kalau awak betul, saya bolehlah menyiasat Dato' Abdullah ini. Kalau betul perjalanan awak ini kita buang Perlembagaan Dato' Abdullah ini. Kita buat hak kita pula", kata Menteri Besar.

Jadi dia sambung sedikit, "Pasal apa awak bawa diam selama sudah 68 tahun?". Saya jawab, "Saya tahu itu semua, saya sudah besar, saya sudah tua. Dato' Shahmaruddin saya tahu, Dato' Abu Bakar pun apatah lagi. Tapi saya tidak buat, saya tidak tuntutan, kalau saya tuntutan masa itu, jadi bumi cair langit runtuh!". Saya tidak faham bidalan Melayu itu", kata Menteri Besar. "Begini Tuan, jadi maafkan saya, dapat atau tidak tuan batalkan perbuatan Menteri Besar, Doktor Said dan Encik Nasir?"

"Haa itu saya tidak dapatlah", kata Menteri Besar. "Tapi sekarang sampai masa, sampai waktu Dato' Undang tidak ada dan saya mesti tuntutan, kalau ada kebenaran saya, itu yang saya pohon" kata saya.

Jadi habislah setakat itu cerita saya dan dia pun sudah mengaku. "Kalau betul awak ini", kata dia, "Kita alih undang-undang buatan orang putih, lagipun Dato' Abdullah ini dia orang yang merampas kuasa. Jadi kalau benar salasilah ini", kata dia, "Saya pun sokong. Jadi senang saya tidak ada berunding, tidak ada apa, cuma saya mendapatkan dia sajalah. Dengan Dato' Menteri Othman ini, saya berulang alik sajalah. Sebab Dato' Menteri Othman ini kurang mendapat cerita itu juga, jadi saya menceritakan segala sejarah-sejarah saya itu".

Jadi maknanya adanya waris Sarin 'A' itu dengan waris Sarin 'B' itu saja dibuat-buatlah oleh Dato' Abdullah dulu! Dato' Paduka asalnya ibu bapa kepada Dato' Raja. Tapi dinaikkannya pula, jadi pangkat Dato' Raja itu diletakkannya pada Dato' Paduka. Jadi Dato' Raja ini maknanya hendak dibuangnya langsunglah, sekiranya kalau dia dapat. Tapi kemudian daripada itu, bila saya tahu, jadi emak saya dulu itu membuat kerja menuntut pula. Masa itu Tuan Pegawai Daerah Caldecott itu ada lagi. Pada masa itu Dato' Rajanya tidak ada, jadi dia buat diam saja. Jadi menuntut pada Tuan Caldecott, habis penat dua tiga kali berjumpa Tuan Caldecott kata dia, "Saya tidak dapat faham perkara itu terpulanglah kepada Dato' Undang Jelebu".

"Baiklah kalau tidak dapat faham Tuan, saya hendak jumpa dengan Residen", kata emak saya. Kata dia [Caldecott], "Tidak payah-

lah awak jumpa dia saya boleh cakap sama Residen". Jadi Tuan Caldecott jugalah menguruskan hal ini sama Tuan Residen di Seremban. Kata Tuan Residen, "Kita boleh menerima balik gelaran Dato' Raja sebab orang itu ada namanya dalam 'treaty', bagaimana kita hendak hilangkan". Jadi Tuan Caldecott pun mengakulah menerima balik gelaran Dato' Raja. Jadi masa itu dilantiklah Rahmat dan digelarliah Dato' Raja Rahmat iaitu orang Jelin. Dato' Raja Rahmat ini tadi, dia engkar pula. Masa itu Pertang masih diperintah oleh Dato' Raja sebelum dapat Dato' Abdullah menguasainya dan pemerintahnya masa itu bernama Dato' Raja Kiah. Jadi bila Dato' Raja Kiah mati, tidak adelah pemerintah di situ dan ia digantikan dengan waris Hulu Jelebu iaitu Dato' Dagang Laut. Selepas Dato' Raja Rahmat dilantik, dia disuruh pula memerintah Pertang dan dia ingat nak pergi. Tapi masa itu jalan dalam hutan rimba lagi dan jalan kaki takut hendak pergi ke sana.

Jadi digilirkanlah dia dan digantikan oleh Dato' Raja Pilus dalam tahun 1906. Dato' Raja Pilus memerintah Pertang selama 4 tahun. Tahun 1911 tamat pemerintahan Dato' Raja di Pertang dan kerajaan British sudah dapat membuat rumah pasong [Balai Polis] di sana. Jadi setakat inilah cerita dia, kemudian beralih saya kepada cerita menuntut tadi, menuntut pasal Dato' Undang.

Jadi di kampung ini tadi, kerajaan memberitahu kepada Dato' Menteri Shah Mangku Alam Raja Sehari [Othman Baginda] supaya menyuruh orang Jelebu mencari kebulatan membuat undang dalam tempoh satu bulan dan kerajaan akan menerima pilihan itu. Mereka diberi peluang hingga akhir bulan Disember, 1979, kalau sampai bulan Januari 1980 kerajaan akan campurtangan. Di dalam bulan Disember tadi, iaitu pada 14 haribulan Disember 1979 pencalonan dibuat di rumah Dato' Paduka Sudirman. Jadi saya tanya Lembaga saya Dato' Raja Kecil samada ada atau tidak dipanggil untuk memicalon. Kata dia, "Ada dipanggil oleh Dato' Paduka Sudirman." Kata saya, "Bagi surat awak itu, jadi saya nak menumpang tuah sajalah ini."

Apabila saya dapat surat panggilan dari Dato' Raja ini tadi, saya pun buatlah surat pencalonan saya pula sebanyak sepuluh pucuk. Jadi surat pencalonan saya itu ialah untuk Menteri Besar, Dato' Menteri Shah Alam Raja Sehari, Dato' Ombi, Dato' Raja Balang, Dato' Maharaja Inda, iaitu untuk Lembaga, lapanlah termasuk Tuan Pegawai Daerah satu. Kemudian pada hari 14hb. Disember orang pun berjumlah di Simpang Gelami di rumah telapak Dato' Paduka Sudirman. Saya pun pergilah bersama sebelas orang yang lain iaitu empat orang perempuan dan tujuh orang lelaki termasuk Musa itu sekali. Pendidikan anak cucu saya semua mengiringlah.

Majlis itu bermula pada pukul 10.30 pagi. Jadi ringkasnya bila sampai pukul 10.30 pagi itu, semua pegawai sudah bersedia. Semasa saya sampai di situ, pukul 10.15 pagi, saya bersebelas orang tadi pun naik ke rumah Dato' Paduka Sudirman bersama dengan Tuan OCPD [Ketua Polis Daerah]. Bila saya duduk begini haa [bersila] Tuan Pegawai Daerah pun sampai. Bila sampai Tuan Pegawai Daerah, orang pun membawa airtah untuk minum kopi dan teh dan habis minum majlis pun dibuka.

Jadi Dato' Paduka Sudirman pun bangun lalu berkata, "Pada masa hari ini, sampai waktu dan sampai ketikanya kita akan memilih calon Dato' Undang". Selesai di berucap, Dato' Raja saya pun bertanya, "Habis Dato' Paduka?" "Habis", jawab Dato' Paduka Sudirman. Dato' Raja saya pun bangunlah dan membaca surat persembahan dia pula. Selesai dia membaca persembahan itu, jadi surat pencalonan pun diberi. Pertama diberi kepada Dato' Ombi, yang kedua kepada Tuan Pegawai Daerah, ketiga kepada Dato' Raja Balang Syed Ismail. Tetapi ketika surat itu disampaikan kepada Dato' Raja Balang Syed Ismail tadi, Dato' Ombi pun ambil surat Perlembagaan [peraturan yang dibuat oleh Dato' Undang Abdullah dahulu] dan dia bacanya dengan lantang suara.

Jadi saya pun fikirlah kalau begini akhirnya, barangkali ada kesusahan. Jadi saya pun tidak berlengah lagilah saya kata pada cucu saya Bilal Omar, "Bawa Dato' Raja itu turun!". Jadi Bilal Omar pun pegang tangan Dato' Raja dan dibawanya turun ke bawah,

langsung semua sekali orang saya turun. Bila orang-orang saya itu turun dan sampai di tangga, saya pun bangun pula. Saya angkat tapak tangan saya dan saya kata, "Selamat Tinggal tuan-tuan semua", lepas itu saya pun turun. Itulah cakap saya, lain tidak ada.

Lebih kurang dalam seminggu selepas itu, saya pun mendapat hidayah, saya dua beranak dengan Raja Syer. Ini perkara rahsia, orang lain tidak tahun, tapi saya sudah buat. Jadi saya panggil Musa ini dan saya lantik dia menjadi Undang di rumah Raja Syer itu. Saya tiga beranak sahaja yang mengadap dia, lepas itu Raja Syer membacakan doa selamatnya. Saya tutup pintu masa itu, jangan tahu dek orang ramai. Lebih kurang seminggu pula selepas itu, Dato' Menteri Othman pun memanggil saya. Dia memberitahu, "Haa, calon awak dan kena". Kata saya, "Baguslah".

Tapi ada sikit calon yang dikemukakan oleh Dato' Ombi Syed Alwi pada mulanya, saya pun tidak tahun asalnya. Setelah diceritakan oleh Dato' Menteri baru saya tahu. Dia [Dato' Ombi Syed Alwi] pergi menyembahkan calon dia pada 31hb. Disember, 1979. Calon yang dia pilih pada 14hb. Disember dulu dipersembahkannya kepada Dato' Menteri pada 31hb. Disember.

Sampai dia di Balai Dato' Menteri, dia menyembahkan calon dia tiga orang pula. Jadi dalam tiga ini, ada satu cakap bisik pula

dia dengan Dato' Menteri. Jadi jawab Dato' Menteri, "Saya tidak dapat lagi nak terima calon awak!" "Pasalnya?", tanya Dato' Ombi. "Pasalnya bak kata orang masa sudah cukup, hari ini 31hb. Disember hari minggu, penyudah bulan dua belas. Besok pada bulan satu. 1hb. Januari kerajaan akan campurtangan, kalau awak nak hantar calon awak ini pergi hantar kepada kerajaan. Saya tak berani nak terima!", kata Dato' Menteri. Jadi jawab Dato' Ombi, "Kita Lembaga Yang Lapan ini yang lebih berkuasa pasal Dato' Undang, bukannya kerajaan". Tapi kata Dato' Menteri, "Saya tak berani hendak terima, sekarang saya Undang, tapi saya tak berani hendak terima. Awak kalau nak hantar calon awak ini awak hantar kepada kerajaan, saya tidak berani hendak terima!".

Kemudian Dato' Menteri bertanya, "Awak memilih calon ini ada ke awak bawa muafakat Dato' Raja". "Tak ada", jawab Dato' Ombi Syed Alwi. "Pasal?", tanya Dato' Menteri. "Pasal waris Dato' Raja tak berhak menjadi Dato' Undang", jawab Dato' Ombi. "Di mana awak dapat tahu?" tanya Dato' Menteri. Kata Dato' Ombi, "Ada dalam Perlembagaan". "Ia, saya ada satu Perlembagaan itu dan awak satu. Tapi bukankah Dato' Raja dan ada menuntut?". "Itu tuntutan saya tak ada diambil kira", jawab Dato' Ombi. "Pasal?" tanya Dato' Menteri. "Pasal Perlembagaan ini mengatakan dia tidak ada berhak", jawab Dato' Ombi.

"Baiklah, cuba saya tanya awak", kata Dato' Menteri ini tadi.

"Baiklah, mana yang saya dapat saya jawab", kata Dato' Ombi.

"Baik saya tanya awak, orang yang bergelar Dato' Muda Geligin itu, siapa dia?" Jadi jawab Dato' Ombi Syed Alwi, "Saya mendengar nama ini beruloh hari ini, selama ini saya tidak mendengarnya".

"Jadi tak tahulah awak?" "Tak Tahu", jawab Dato' Ombi. Kemudian ditanya pula oleh Dato' Menteri, "Awak selalu mengatakan Dato' Raja Teras ada membuat kesalahan tidak merujuk kepada Dato' Undang. "Ini selalu awak cakap dan saya terdengar". "Tapi saya hendak tahun dari awak, Dato' Raja Teras ini gelarannya saja, siapa nama dia yang sebenar dan siapa masa itu Dato' Undang di dalam Jelebu ini serta tahun berapa dia memerintah Jelebu ini?" "Saya tidak ingat", jawab Dato' Ombi. "Jadi, tak dapatlah?" tanya Dato' Menteri. "Tak dapat", jawab Dato' Ombi.

Dalam soalan yang ketiga pula Dato' Menteri bertanya, "Di dalam Jelebu ini ada lapan orang Lembaga yang berkuasa. Siapa dan berapa orang dari kita yang mempunyai Jelebu ini". "Amlah semua sekali, dengan Dato' Undang sekali", jawab Dato' Ombi. "Saya hendak yang 'berumpok berabu, beruang berbatas, berhak masing-masing', siapa Lembaga yang ada tanahair di Jelebu?" "Tak tahu", jawab Dato Ombi.

Jadi, saya hendak tanya awak, "Di dalam Jelebu, kita ada Lembaga lapan orang, siapa di antara kita yang ada pusat pemerintahan dalam Jelebu?" "Tak tahu", jawab Dato' Ombi. Soalan yang kelima, ia

menyentuh soal Dato' Raja di Pertang. "Baiklah, awak ada menga-
 takan Dato' Kio di Pertang ada ditomahkan membunuh ^{seorang gayat [orang asli]} rakyat dan
 sabitlah kesalahan dia itu. Jadi pada masa itu, Dato' Raja Kio
 ini siapa yang menjadikannya, siapa pula yang memecat dia, di
 mana matinya orang tua ini dan di mana pula dikuburkan orang
 tua ini", tanya Dato' Menteri. "Saya tak tahulah itu", jawab
 Dato' Ombi. "Kalau tidak tahu, awak ini sudah lima soalan saya,
 awak tidak dapat jawab. Jadi maknanya awak ini 'tidak ada ber-
 tunggul berpemaras tak bersesap tak berjerami', kata perbilangan
 Melayu, 'tak berterus tak bertauladan'. Kalau ibarat orang
 bicara, kalah awak dan menang Dato' Raja. Saya ini semua Dato'
 Raja beri", kata Dato' Menteri. "Itulah sebabnya saya tak berani
 menerima cadangan awak. Kalau awak hendak menghantar calon awak,
 hantarlah kepada kerajaan, saya tak berani hendak terima" kata
 Dato' Menteri. Habislah perkara itu, Dato' Ombi pun baliklah dan
 diam sahaja.

Esok paginya Dato' Ombi datang lagi. Dia mengatakan dia hendak
 menjadikan calon yang tengah menjadi Undang iaitu Syed Sulong.
 Isteri Syed Zain, orang Tampin dan Nordin, isterinya orang Kuala
 Pilah, tak akan hendak dibawa ke Jelebu jadi Datin. "Syed
 Sulong ini", kata Dato' Ombi, "Menantu Syed Idris di Peradong.
 Saya tidak berani hendak terima calon awak ini. Bukankah semalam
 lagi saya sudah katakan saya tidak berani hendak terima calon awak
 ini. Kalau awak hendak juga calon awak ini, awak pergi hantar

pada kerajaan, saya tidak berani hendak terima", kata Dato' Menteri. Dato' Ombi tidak berkata apa-apalah dan diapun balik.

Lima hari selepas itu, sampai pula tiga surat "petition" kepada Dato' Menteri. Pertamanya surat petisyen anak-anak Dato' Abdullah dulu yang diketuai oleh Mohd. Shariff. Dia hendak menerima giliran perut pula. Ayah dia dulu Dato' Abdullah perut Bandar Tinggi, sekarang hendak beralih pula ke perut Peninjau. Dia masuk perut Peninjau dulu kerana menjadi telapak Dato' Paduka Menat yang diwujudkan oleh ayahnya Dato' Abdullah.

Surat petisyen yang kedua, datangnya dari anak-anak Cikgu Hitam sebab anak-anak Cikgu Hitam ini turut menuntut untuk menjadi calon. Dia [anak-anak Cikgu Hitam] mencacati calon waris Dato' Paduka Sudirman iaitu Nordin. Dia kata waris Dato' Paduka Sudirman ini getah daun orang mendatang. Jadi maknanya calon dialah [Syed Sulong] teras jatinya.

Surat petisyen yang ketiga datangnya dari Dato' Paduka Sudirman. Dia mencacati calon Dato' Undang waris Dato' Ombi Syed Alwi iaitu Syed Sulong. Dia [Dato' Paduka Sudirman] mengatakan bahawa emak saudaranya [Syed Sulong] hamil tidak bersuami, ibu mertuanya pun hamil tidak bersuami. Kandungan ibu mertuanya itu, dialah [Dato' Paduka Sudirman] yang tolong membuangkannya.

Setelah saya baca surat-surat petisyen itu, saya gelak sajalah.

"Apa pula awak gelak", tanya Dato' Menteri. "Saya sudah suka ini Dato', sebab tentulah semua calon itu sudah habis busuk dan tentu calon saya yang wangi", kata saya. Lepas daripada itu, saya baliklah. Selepas tiga empat hari dari hari itulah yang saya katakan saya melantik dia [Dato' Musa] di rumah Raja Syer dengan bersembunyi.

Tidak sampai seminggu pula selepas itu, Dato' Menteri telah memberitahu saya bahawa calon saya sudah diterima oleh kerajaan dan hari perlantikannya ialah pada 4hb. Februari, 1980. Jadi perkara ini hanya yang berkenaan saja yang mendapat tahun, yang tidak berkenaan tidak dapatlah, kerana ia rahsia.

Sementara itu, bila calon ini sudah diketahui oleh anak-cucu saya, mereka mula bimbang kerana Musa yang menjadi guru itu tinggal di atas bukit terpencil dari orang dan tentu dia banyak musuh. Kata saya kepada anak-cucu saya, "Tuan-tuan semua usah bimbanglah, biar saya pergi menjual nyawa di sana, saya boleh jadi penghalang. Kalay sebelum hilang saya ini jangan takut." Saya pergi ke situ [rumah Musa] dan seminggu saya duduk di sana sebelum dia dilantik. Saya tunggu dia [Dato' Musa] siang malam, tapi tidak ada apa-apa pula yang terjadi!

Bila sampai hari perlantikan itu, saya berkata pada Musa, "Kau pergi bekerja dulu, nanti pukul 8.30 pagi kau balik. Jangan kita ketara pada orang ramai". Dia [Dato' Musa] ikutlah cakap saya dan pada pukul 8.30 pagi dia pun balik. Selepas itu saya suruh dia mandi dulu dan saya membedak langirkan dia suami isteri. Setelah selesai, saya suruh dia memakai pakaian.

Kemudian kami melangkah ke Balai Undang. Anak cucu saya sudah ramailah di situ, adalah empat lima puluh orang, lelaki perempuan, kecil besar semua ada. Bila sampai pukul 10.30 pagi, pembesar suara pun berbunyilah. Jadi barangkali Dato' Menteri lah yang bercakap itu. Pengumuman pun dibuat melalui pembesar suara dan di akhir sekali ia menyebutkan "Bahawa yang menjadi Dato' Undang Luak Jelebu ialah Musa bin Wahab". Sampai di situ berhentilah. Jadi anak-cucu saya yang ada pun bersorak dan yang bangun azan pun ada. Bila azan selesai, motokar kerajaan pun datang untuk menjemput Musa. Jadi Musa pun masuk ke dalam motokar itu dan saya duduk di sebelah kiri dan Dato' Raja di sebelah kanannya. Sementara itu 'pegawai gelap' Encik Nasir duduk di depan.

Bila sampai saja di dalam Balai Undang, Dato' Menteri pun bangun dan memberi dia [Musa] keris. Selepas itu diduduknya Musa di atas kerusi, dilekatkan destar dan langsunglah di [Dato' Menteri] mengadap. Selesai Dato' Menteri mengadap, Dato' Raja pun naiklah mengadap kerana Dato' Lembaga yang lain tidak ada. Selepas itu

Dato' Syahbandar pula mengadap. Jadi tiga orang sajalah Dato' Lembaga yang mengadap kerana tidak ada Dato' Lembaga yang lain. Ini adalah kerana sewaktu pengumuman tadi menyebut nama Musa bin Wahab sebagai Undang, segala Lembaga-lembaga yang bertujuh orang itu dengan anak buahnya sama sekali telah keluar daripada balai itu [Balai Undang].

Kemudian saya pun bersuara pada Dato' Menteri bahawa siapakah Dato' Lembaga yang mengadap Undang selepas itu. "Dato' Ngiang", kata dia. Waris Dato' Ngiang ada pada masa itu iaitu Panglima Hitam, yang menjadi juak, iaitu yang memegang senjata di kiri kanan Dato' Undang. Kata saya kepada Panglima Hitam, "Letakkan senjata itu, turun mengadap". Segala Lembaga-lembaga Yang Lapan, berkehendakkan waris semuanya. Jadi ada warisnya belaka. Ada tiga Dato' Lembaga yang dilantik dari juak iaitu Panglima Raja, Panglima Hitam dan Panglima Sultan. Yang lain itu bukanlah dari juak tetapi semua warisnya yang mengadap.

Bila sudah cukup segala Dato' Lembaga ini dan semuanya sudah mengadap maka istiadat itupun habislah. Setakat itulah ceritanya Dato' Musa menjadi Undang. Tinggal lagi, salasilah dia [Dato' Musa] lainlah pula. Dia itu jadi cucu saya, iaitu cucu kakak saya iaitu kakak saya yang nombor dua bernama Hitam. Anak kakak saya itu pun ramai, adalah dekat sepuluh orang. Emak dia [Dato'

Musa adalah yang tua sekali dan Minah namanya. Adik Minah itu Saamah, adik Saamah Husin dan Husin ini gila dan mati di Tanjung Rambutan. Adik Husin itu Maimunah, adik Maimunah Hajar, Adik Hajar Fatimah, adik Fatimah Ibrahim, adik Ibrahim Daud dan adik Daud Jemak. Jadi emak saudaranya Musa ramai.

Minah ini emak Dato' Musa ada tiga orang saja anaknya. Ismail yang tuanya, yang keduanya isteri Raja Syer iaitu Umni Kalsum namanya, dan Dato' Musa itu yang nombor tiga. Itulah cerita salasilah dia dan tidaklah dipanjangkan satu-satunya. Tapi keturunan dia Dato' Musa tadi moyangnya Lipahlah iaitu anak kepada Moyang Salleh.

Sampai masanya Dato' Musa pun ditabalkan dikerjankan. Masa pertabalan hari itu, saya menjadi orang tua sajalah, jadi pengikut dia Dato' Musa itu. Tetapi yang membedak limau langir dia itu, terpulanglah kepada Lembaga yang lapan dan ada Tok Pawangnya. Tok Pawang itu memang sayalah yang mencarikan iaitu orang asal dalam Jelevu ini. Dia orang Bemban dan namanya Mubin bin Ujang. Dia Dato' Musa diapiti pula oleh seorang Tok Lebai iaitu Khalifah Sudin namanya orang Masjid Kuala Dulang. Jadi saya ini menyertai sajalah. Tukang memotong kerbau dan kambing untuk jamuan makan sayalah yang menjadi ketuanya.

Di hari pertabalan itu, dia [Dato' Musa] di arak sampai ke panca-persada di tengah padang itu. Alamatnya tidak payahlah kita sebut, itu kerajaanlah yang bertanggungjawab dalam menentukannya. Jadi sampai ke panca-persada itu, dia dibedak langirkan oleh Tok Pawang dan Lembaga-lembaga yang lapan tadi menyertai sajalah. Kemudian dia dimandikan dalam bilik air khas untuk dia suami isteri dan dia mandi sendiri, bukannya orang lain yang memandikannya. Setelah itu dipakaikan semula pakaiannya untuk dibawa balik ke panca-persada. Di atas panca-persada itu dia datanglah keserbinya sedikit seperti kata orang Melayu. Dia sudah jadi begini saja [keras], matanya pun sudah merah dan mengalir pula peluh dibadannya.

Jadi saya tidak lengah lagi, saya pun pergi dekat, saya kata, "Tok Pawang, Dato' Menteri bawa turun, bawa berangkat!". Dia pun langsung berdiri dan dibawa turun lalu dinaikannya ke atas usungan. Bila dia sudah naik di atas usungan itu, saya pun angkat sembah tiga kali, saya cakap, "Jalan!". Begitu sekali sebab saya tengok keadaannya sudah lain macam. Dia pun dibawa balik ke rumah keselamatan. Sampai ke rumah itu tadi, dia pun bersiaplah untuk turun pula ke Balai Pengadapan. Di sana, segala Lembaga-lembaga pun mengadaplah mengikut istiadatnya. Selesai istiadat itu, Dato' Menteri pun memberi ucapan dan selepas itu Dato' Undang pula memberikan ucapannya. Bila habis ucapan Dato' Undang, adalah acara permainan sedikit dan langsunglah upacara pertabalan

itu ditamatkan.

Semasa istiadat perlantikan Musa sebagai Undang hari itu tujuh orang Lembaga telah melarikan diri. Dengan itu mereka ini telah dipecat dan dilantik yang baru. Dari ini timbullah rasa tidak puas hati. Panglima Sultan dapat digelar kerana sudah sampai masa kepada dia iaitu sampai gilir perut. Dia bergelar Dato' Cincang. Panglima Hitam pun begitu. Jadi Panglima Hitam ini naiklah pangkat menjadi Dato' Ngiang. Tapi Panglima Raja tidak dapat digelar kerana dia bukanlah waris menyandang. Jadi kata salasilah Jelebu ini, orang menumpang asalnya tapi saya tidak tahu hal itu.

Panglima Raja bernama Md. Nor. Jadi orang ini [Md. Nor] bila dia mendapat tahun rahsia ini dia pun terkilan jugalah. Jadi dia datanglah dua beradik dengan menantu saya itu dan bertanya kepada saya. Saya kata padanya, "Saya tidak tahu hal awak, waris awak, perut awak. Tapi kalau ada orang tua awak, cubalah bertanya asal usul awak, tentu orang tua awak itu tahu". Jadi esok paginya itu pergilah dijemput bapa saudaranya di Kenaboi bernama Cik Ad. Jadi datanglah dia menemui Dato' Menteri di Balai Undang dan mengadap Dato' Undang sekali. Orang tua Cik Ad ini, dia bercakap kegigilan pula. Dia bercakap seolah-olah dia lebih pandai dan tahu segalanya. Jadi agaknya pada masa itu terasalah oleh Dato' Undang ini [Dato' Musa]. Ketika itu juga dia jatuh

tersungkur dari kerusi tempat duduk. Bersapu beras basuhlah oleh orang barulah dia sedar.

Sebulan selepas perliantikan Dato' Undang itu, seorang guru bernama Jamaludin iaitu anak Haji Ranli yang menjadi Naib Kadi di Durian Tipus, mempunyai hikmat sihir dia hendak mencuba ilmunya. Hasrat ini dinyatakannya pada kawannya Cikgu Razali. Jadi pergilah dihantar oleh Cikgu Razali untuk menemui Undang. Tapi saya tidak ada pula masa itu kerana malam itu saya balik ke rumah ini. Pada pukul lapan malam, dia berjumpalah dengan Dato' Undang. Tidak sampai 10 minit dia duduk di situ, jatuh tersungkur dia dari atas kerusi. Bersapu beras basuh juga barulah dia sedar. Jadi dibawa baliklah oleh Cikgu Razali tadi. Sekarang ini tiada apa-apa lagi.

[Beberapa wawancara dibuat berhubung dengan kecacatan yang dipersoalkan berkaitan dengan pembunuhan seorang Orang Asli. Dato Raja telah melayan seorang isteri kepada seorang Orang Asli [gayat]. Dato Raja dikatakan telah membunuh suami kepada perempuan Asli itu. Mengikut peraturan Jelebu Dato Raja telah didapati bersalah oleh Undang Jelebu ketika itu. Sebagai hukumannya ahli 'perut' Dato Raja dilucutkan hak untuk mewarisi pesaka Undang Jelebu.

Suatu keterangan lain pula mengatakan Dato Raja telah ditomah membunuh Orang Asli berkenaan. Orang Asli itu mati dibunuh oleh seekor harimau dan bukan oleh Dato Raja.]